

Penyampai : TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI
Tajuk : MAJLIS PENYAMPAIAN DIPLOMA DAN PENGANUGERAHAN FELLOW INTAN 1998
Lokasi : AUDITORIUM INTAN, BUKIT KIARA
Tarikh : 16-05-1998

Saya berasa amat gembira dapat bersama-sama hadirin sekalian dalam 2 acara penting yang diadakan serentak.

Pertama Majlis Penyampaian Diploma Pengurusan Awam, Diploma Sains Pengurusan dan Diploma Pengurusan Maklumat dan kedua untuk mengumumkan penerima Anugerah Fellow INTAN bagi tahun 1998. Majlis seumpama ini sebenarnya agak unik, kerana kita meraikan penyertaan pegawai- pegawai baru ke dalam perkhidmatan awam dan pada yang sama kita memberikan penghormatan kepada seorang tokoh kerana telah berkhidmat dengan penuh dedikasi serta memberi sumbangan besar kepada Perkhidmatan Awam, khususnya di negeri Sarawak.

Para hadirin yang saya muliakan,

2. Amat penting kita sedari bahawa pegawai-pegawai baru yang bakal mewarisi teraju kepimpinan perkhidmatan awam masa akan datang, perlulah mula memahami aspek- aspek utama kepimpinan dan pengurusan. Pegawai-pegawai kanan perkhidmatan awam di negara ini merupakan pendokong utama Kerajaan yang menerajui kepimpinan negara. Saya menjangkakan ada di kalangan tuan-tuan dan puan-puan di hadapan saya ini, bakal menjadi Ketua- Ketua Setiausaha, Setiausaha Kerajaan Negeri, Ketua- Ketua Pengarah, dan pemegang-pemegang jawatan tinggi yang lain. Justeru itu, wajiblah tradisi kecemerlangan perkhidmatan awam dikekalkan untuk menyahut tuntutan tanggung-jawab murni yang telah kita warisi bersama ini.

3. Dalam persekitaran yang serba kompleks dan canggih kini, fungsi dan tanggungjawab kita sebagai pemimpin dan pengurus adalah amat kritikal. Tuan-tuan dan puan- puan sebagai pemimpin pelapis mestilah memiliki daya ketrampilan sekurang-kurangnya dalam tiga peranan utama. Pertama sebagai perintis jalan (path finder); kedua, sebagai pelaksana dan penguatkuasa dasar, undang-undang dan peraturan; dan ketiga sebagai penyelesaian masalah.

4. Sebagai perintis jalan, kita amat memerlukan pemimpin yang mempunyai visi, misi dan daya pembaharuan (innovative). Sebagai pemimpin di peringkat mana sekali pun kita perlu mampu meneroka dan memikirkan program- program dan langkah-langkah baru dalam meneruskan program pembangunan negara. Berdasarkan daya kreativiti dan inovasi, kita perlu berusaha mencari strategi baru, merekabentuk sistem dan teknologi baru demi membangunkan negara; dan mencari langkah membaiki dan menjaga kepentingan umum. Kita mesti berkebolehan menggubal sesuatu dasar dan program yang boleh meningkatkan kekayaan negara dan kualiti kehidupan rakyat. Satu tugas yang amat diperlui dan dihargai sekarang ialah untuk meneroka peluang-peluang pengeluaran dan pemasaran yang baru supaya kita dapat terus bersaing dengan perubahan-perubahan global yang begitu pesat kini. Serentak dengan itu, prasarana jentera pentadbiran dan penggunaan sumber tenaga manusia yang betul perlulah digerakkan supaya selaras dengan tuntutan perubahan global. Di antara cabaran dan perubahan-perubahan global secara makro yang sedang kita hadapi sekarang ialah keupayaan kita mengatasi masalah ekonomi, membendung inflasi; merangsang pelaburan modal; meningkatkan daya saing negara, mengurus masalah pengangguran; dan menangani apa jua kejutan dari luar.

5. Dalam konteks pelaksanaan dan penguatkuasaan dasar, para pemimpin perlu sedar bahawa dasar-dasar dan undang-undang yang telah ditetapkan tidak akan membawa apa-apa makna atau faedah sekiranya tidak dikuatkuasakan. Misalnya isu dadah, penerokaan tanah secara haram, setinggan, pendatang haram, kemalangan jalan raya dan lain-lain amat memerlukan pelaksanaan dari segi penguatkuasaannya. Pada hemat saya kegagalan menguatkuasakan dasar dan peraturan menyebabkan kita sendiri dan rakyat amnya menghadapi berbagai masalah.

6. Sebagai pengurus, penguatkuasaan undang-undang dan peraturan hendaklah dilakukan secara bersepadu melalui kerjasama, semangat berpasukan dengan komitmen dan kualiti profesionalisme yang

tinggi di setiap peringkat. Sifat-sifat ini amatlah penting, lebih-lebih lagi apabila kita dihadapkan dengan satu senario pengurusan krisis. Di sinilah kemahiran berfikir, kemahiran teknikal serta kebolehan berkomunikasi yang tinggi akan diuji. Tuan-tuan akan dinilai samada tindakan yang diambil adalah cekap, berkesan dan adil ataupun tidak; samada tindakan itu cost-effective ataupun tidak dan sebagainya.

7. Seterusnya kita sebagai pemimpin dan pengurus amat perlu memiliki keupayaan menyelesaikan masalah sama ada dalam tugas harian kita, maupun dalam keadaan krisis.

Keadaan ini akan menjadi gawat sekiranya kita gagal mengambil kira keserasiannya dengan tuntutan dan keperluan masyarakat majmuk. Sebarang langkah penyelesaian hendaklah mengambil kira sensitiviti antara kaum, intra kaum dan antara wilayah. Krisis akan muncul kerana kekangan dan kekurangan sama ada berpunca dari kekurangan air, makanan, kemudahan tempat tinggal, permit perniagaan serta lain-lain. Bencana alam seperti kemarau, banjir dan kebakaran hutan yang serius adalah juga satu krisis. Dalam keadaan-keadaan seumpama inilah seseorang pemimpin dan pengurus tanpa mengira tahap mana sekalipun perlu berperanan secara berkesan mengawalselia, mengembeling segala sumber yang ada demi menyelesaikan punca segala krisis yang kita hadapi. Yang penting ialah kesanggupannya untuk bergerak dan bertindak bagi mengatasi krisis itu, dan untuk bertanggungjawab atas segala hasil dan akibat tindakannya.

8. Dalam konteks negara kita yang berbilang bangsa dan agama kita tidak boleh membiarkan konflik bertukar menjadi krisis. Apabila krisis berlaku, pemimpin harus bijak bertindak untuk membendung dan merangka formula penyelesaian. Ketidak-berkesanan menangani masalah akan mencetuskan krisis yang sukar dikawal. Akhirnya masing-masing mencari alasan, menunding jari dan membuat tuduhan-tuduhan liar. Akibatnya tahap keyakinan rakyat menurun yang berpunca dari sikap kita yang bertindak secara tidak profesional dan tidak mengutamakan kepentingan nasional.

9. Wajar saya tegaskan pegawai-pegawai kita akan terus berhadapan dengan pelbagai bentuk cabaran. Menyedari hakikat ini, kerajaan telah membuat pelaburan yang begitu besar dalam pendidikan dan latihan sama ada di dalam mahu pun di luar negeri demi melahirkan dan mengembangkan potensi daya kepimpinan para pegawainya.

Namun, biar bagaimana hebat pun sesuatu latihan, ia tidak akan membawa sebarang makna sekiranya para pegawai tidak memiliki 'foresight'. Membuat telahan mengenai masa depan ini bukanlah bakat semula jadi, tetapi ia merupakan satu kemahiran yang boleh dibangunkan dalam diri seseorang. Daya pemikiran 'foresight' adalah asas dalam fungsi perancangan, dan amat diperlukan dalam pembentukan sistem pengurusan yang terancang (anticipatory management). Ia memungkinkan kita melakukan sesuatu yang difikirkan oleh orang lain sebagai mustahil dan tidak logik.

10. Di samping 'foresight' para pegawai perlu belajar menggunakan 'hindsight'@ masing-masing. 'Hindsight' adalah guru yang paling berharga kerana kita belajar dari sejarah dan pengalaman lalu. Misalnya dalam konteks masyarakat majmuk yang berbilang bangsa, agama dan budaya ini, kita perlu peka dengan fakta sejarah.

Sejarah banyak mendidik kita untuk membuat sesuatu keputusan dengan betul dan tepat. Kita harus berpijak di bumi nyata dalam menggubal sesuatu dasar dan kita perlu menimba pengalaman daripada rekod-rekod lalu sebagai rujukan yang amat berharga.

11. Seterusnya sebagai pemimpin dan pengurus juga kita perlu mempunyai daya fikiran yang menyeluruh (wholistic), iaitu kebolehan kita meneliti keperluan sesuatu sistem secara keseluruhan tanpa terikat atau terkongkong oleh keperluan kedaerahan, kumpulan kecil atau sub-sistem. Daya fikiran 'wholistic' memerlukan penglihatan dan penganalisan masalah dari kacamata 'boundary' yang lebih meluas, khususnya pengaruh sesuatu tindakan atau dasar di peringkat nasional, antarabangsa dan global. Sebagai misalan, keperluan bekalan air di Malaysia kini, memerlukan pendekatan nasional dan bukan berasaskan sempadan sesuatu daerah, kuasa-kuasa tempatan atau negeri. Keberkesanan pengurusan banyak bergantung kepada sistem rangkaian atau 'network' pelbagai lapisan, tempat dan kepentingan. Kemahiran dalam fungsi penyelarasan dan integrasi adalah amat diperlukan.

Hadirin yang saya muliakan,

12. Sesungguhnya masa sedang menguji daya ketahanan dan kewibawaan negara kita. Persaingan global dalam bidang ekonomi dan politik mencabar kebolehan dan keutuhan negara. Oleh itu perkhidmatan awam perlu terus membuat perubahan-perubahan dan merekayasa atau 'e-inventing' dalam menghadapi cabaran-cabaran yang mendatang. Sebagai contoh, sejarah telah mencatatkan bahawa kejayaan perkhidmatan awam di Malaysia ialah kerana keupayaan kita mentadbir serta melaksanakan dasar Kerajaan dalam memenuhi keperluan masa depan. Sesungguhnya saya amat bersyukur dan berbangga dengan rekod-rekod kejayaan perkhidmatan awam kerana begitu gigih dan setia dalam membangunkan negara. Kita telah berjaya melakukan perubahan-perubahan dan kemajuan besar dalam pelbagai bidang. Di antaranya; Pertama, sebagai sebuah jentera pentadbiran, kita telah membuktikan bahawa anggota Perkhidmatan Awam negara ini memiliki satu tahap profesionalisme yang tinggi, jika dibandingkan dengan negara-negara lain. Kita terus mengekalkan keutuhan dan integrity. Anggota perkhidmatan kita cukup terlatih dan menerima latihan secara berterusan; menerima ganjaran upah yang berdaya saing, kenaikan pangkat kita berdasarkan merit, mengamalkan dasar berkecuali dengan tidak melibatkan diri dalam politik, serta terus menunjukkan taat setia kepada Kerajaan yang memerintah; Kejayaan kedua ialah penghayatan dan konsep mementingkan pelanggan. Bagi Malaysia, kita telah mengamalkan tanggungjawab kita dengan mengutamakan pelanggan. Kita amat menyedari bahawa kewujudan kita adalah kerana wujudnya pelanggan. Semua usaha seperti sistem kaunter, piagam pelanggan, pembayaran bil setempat dan pelbagai kaedah baru yang telah kita atur semuanya adalah berfokuskan pelanggan dan keperluan rakyat; Ketiga ialah meningkatkan pengurusan kualiti dan penghasilan produktiviti yang tinggi melalui penggunaan sistem pengurusan terkini dan Teknologi Maklumat yang semakin canggih; dan Keempat wajar kita berbangga ialah keupayaan kita menjalinkan perpaduan dan kerjasama erat di antara kerajaan negeri dan pusat, di antara awam dan swasta, di antara anggota Perkhidmatan Awam dan anggota-anggota masyarakat dan di antara pegawai dengan pekerja. Melalui daya usaha berteraskan konsep Persyarikatan Malaysia kita telah berjaya memajukan negara sebagai sebuah entiti yang berdaya saing. Prinsip 'sinergi' dan 'perkongsian bestari' ini terus kita pertahankan demi kepentingan negara;

13. Dalam rangka untuk mengekal dan mempertahankan pencapaian kita di atas, maka satu-satunya prasyarat yang perlu ada ialah dengan menjadikan nilai murni sejagat sebagai benteng utama dalam diri kita. Sistem nilai yang murni, menekankan moral dan etika berasaskan agama, adat dan tradisi pasti akan dapat mengelakkan dari sebarang gejala buruk seperti rasuah, pecah amanah, penyelewengan dan penyakit-penyakit sosial lain yang boleh mencemarkan imej Perkhidmatan Awam. Oleh itu, amalan nilai dan etika yang positif, sifat yang baik seperti berdisiplin, bekerja kuat, beramanah, berdaya tahan, bertoleransi, berjiwat, jujur, penyayang, adil dan bertimbang rasa perlulah terus dipupuk dan disemai oleh penjawat-penjawat awam. Ini dapat dilakukan melalui sistem pendidikan, latihan di dalam organisasi dan pertubuhan serta program kekeluargaan.

Hadirin sekalian,

14. Saya telah mengimbuai kembali kejayaan kita masa lalu dan masa kini untuk mengingatkan pegawai-pegawai baru bahawa mereka telah memasuki sebuah perkhidmatan yang mempunyai ciri-ciri dan cita-cita murni ini. Adalah menjadi tanggung jawab mereka untuk berjuang bagi meneruskan dan meningkatkan tradisi kecemerlangan ini.

15. Saya juga ingin menyimpulkan bahawa segala kualiti yang saya telah jelaskan tadi serta ciri-ciri kecemerlangan dalam perkhidmatan awam ada pada semua Fellow-Fellow INTAN yang telah kita pilih. Mereka adalah model kita dan amat wajarlah kita mengambil contoh dan teladan dari ketokohan mereka kerana memberikan sumbangan yang besar dalam melonjak imej perkhidmatan awam. Kualiti cemerlang yang sama ada pada Fellow INTAN yang kita raikan pada hari ini.

16. Tradisi memberikan penghormatan kepada pemimpin kita yang lalu yang telah mencurahkan segala tenaga dan daya untuk Perkhidmatan Awam, perlulah dikekalkan.

Justeru itu, saya bagi pihak Majlis Penasihat INTAN pada pagi yang berbahagia ini, sukacita mengumumkan, bahawa penerima Anugerah Fellow INTAN bagi tahun 1998 ialah Y.Bhg. Tan Sri Datuk Amar Haji Bujang Mohd. Nor.

17. Saya akhiri ucapan saya ini dengan ucapan setinggi tahniah khususnya kepada Y.Bhg. Tan Sri Datuk Amar Haji Bujang Mohd. Nor di atas penganugerahan Fellow INTAN pada tahun ini. Kepada semua pegawai yang dianugerahkan Diploma Pengurusan Awam, Diploma Sains Pengurusan dan Diploma Pengurusan Maklumat, saya ucapkan selamat maju jaya dalam kerjaya masing-masing.